

Latihan kunci dapat pekerjaan baik, daki tangga kerjaya

See Leng:
Pemerintah sediakan
pelbagai inisiatif
sokong pekerja
muda, khususnya
berpendidikan rendah

► **ATIYAH MOHD SAID**
atiyahm@sph.com.sg

PEKERJA muda yang baru mula bekerja atau dalam pertengahan kerjaya digalakkan agar terus meningkatkan kemahiran atau menimba kemahiran baru sedang kebimbangan mengenai jaminan pekerjaan masih membayangi mereka di tengah-tengah ekonomi yang pesat berubah.

Membuat gesaan itu, Menteri Tenaga Manusia, Dr Tan See Leng, berkata latihan adalah kunci untuk mencari pekerjaan baik dan mara dalam kerjaya mereka, yang akan memberikan pendapatan dan prospek pekerjaan lebih baik.

Dalam hal ini, pemerintah telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk menyokong golongan pekerja muda, khususnya yang berpendidikan rendah, seperti menerusi SkillsFuture, kata beliau.

Selain itu, usaha menyokong golongan pekerja bergaji rendah juga dipergiatkan pada 2023 – daripada skim pentauliah Tanda Gaji Progresif kepada Model Gaji Progresif (PWM) dalam sektor khidmat makanan.

Dr Tan berkata demikian semasa berucap di Simposium mengenai *Kemiskinan dalam Pekerjaan dan Cabaran Harungi Hidup Dalam Kalangan Muda* oleh Pusat Kajian Perkhidmatan Sosial (SS-RC) Universiti Nasional Singapura (NUS) pada Rabu.

Menurut Dr Tan, untuk terus menyokong golongan pekerja muda berpendapatan rendah, negara ini telah menggerakkan usaha dalam tiga bidang utama iaitu pendekatan Gaji Progresif, Skim Daya Kerja (Workfare) dan perlindungan terhadap pekerja platform.

Beliau menarik perhatian, dengan ekonomi global yang berubah pesat, pekerja dalam pekerjaan sepenuh masa masih bimbang men-



DR TAN: Usaha sokong golongan pekerja bergaji rendah telah dipergiatkan pada 2023.

genai pekerjaan mereka, sambil menukil dapatan kajian oleh pasukan penyelidik NUS.

Semasa membentangkan dapatan mereka dalam acara itu, antara lain, kajian mendapati lebih ramai pekerja muda yang kurang berpendidikan bimbang kehilangan pekerjaan berbanding pekerja muda berpendidikan tinggi.

Golongan yang sama juga lebih kurang kemungkinan menjalani latihan atau meraih manfaat sebanyak mana dengan rakan sejawatan berkolar putih dalam proses pencarian bekerja.

Ini meskipun terdapat bukti bahawa latihan menyumbang kepada kenaikan 20 peratus dalam gaji mereka pada masa mendatang.

“Kami berempati dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pekerja ini. Untuk pekerja muda yang baru bermula atau di tengah-tengah kerjaya mereka, saya amat menggalakkan agar untuk terus meningkatkan kemahiran atau melatih semula diri dan tidak berputus asa,” ujar Dr Tan.

“Latihan adalah kunci untuk mencari pekerjaan yang baik dan meningkat dalam kerjaya mereka, yang seterusnya akan menawarkan lebih tinggi gaji dan prospek dan keadaan kerja yang lebih baik.”

Tambah beliau, melalui SkillsFuture, pemerintah telah melabur banyak dalam melengkapkan rakyat Singapura dengan kemahiran baru untuk masa depan dan akan terus berbuat demikian.

Kajian itu meneliti pengalaman bekerja dalam kalangan warga muda yang bekerja berusia antara 21 tahun dengan 40 tahun.